

Sains, teknologi dalam pendidikan diperkukuh

BH - 2/9/2004 : 2 Perdana

Oleh Azman Zakaria

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan memperkenalkan langkah untuk mencergaskan lagi bidang sains dan teknologi dalam komponen sistem pendidikan negara, bagi memenuhi permintaan pasaran untuk pekerja berpengetahuan.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan akan menghasilkan lebih ramai graduan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sains dan kejuruteraan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Katanya, ia adalah langkah inovatif kerajaan berdasarkan pengalaman yang dilalui untuk memberi penekanan kepada pendidikan sumber manusia kerana pembangunan sumber manusia amat penting dalam menentukan masa depan negara.

"Kita perkenalkan teknologi baru di sekolah... bioteknologi adalah sesuatu yang baru yang belum diperkenalkan sebelum ini. ICT telah mula diperkenalkan.

"Harap kita akan mengambil lebih ramai guru... kita telah wujudkan suasana baik untuk pelajar yang akan mengambil kursus ini," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Sidang Kemuncak Perniagaan Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) kelapan di Pusat Konvensyen

Putrajaya di sini, semalam.

Sidang kemuncak dua hari itu yang berakhir hari ini, dianjurkan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Multimedia Development Corporation (MDC) bertujuan mengenal pasti cabaran baru oleh industri perkongsian perkhidmatan dan pengagihan sumber dan cara-cara menanganinya.

Abdullah berkata, negara memerlukan tenaga pekerja yang berpengetahuan, berkemahiran, inovasi dan juga produktif dan beliau telah memutuskan supaya kumpulan baru pekerja pada masa depan akan memiliki diploma yang khusus dalam pengajian tertentu, terutamanya berkaitan sains dan teknologi.

"Kita belum mempunyai lagi. Apa yang kita ada adalah kumpulan yang baru menamatkan sekolah menengah yang lebih mirip kepada akademik... kita perlu satu lagi peringkat dan inilah peringkat yang kita di Malaysia nyatakan sebagai peringkat teknikal," katanya.

Beliau yang berpuas hati dengan pencapaian Koridor Raya Multimedia (MSC) berkata, jenama MSC kini dikenali di serata dunia tetapi mahu produk yang dihasilkan ditingkatkan termasuk dari segi kualitinya.

"Kita mesti bersaing, jika tidak mahu bersaing lebih baik lupakan saja mengenainya... kita telah membuat pelaburan yang banyak. ICT penting untuk masa depan kita," katanya.

Mengenai industri perkongsian

perkhidmatan dan pengagihan sumber, Abdullah berkata, kerajaan akan memberi insentif kepada syarikat luar dalam bentuk kemudahan untuk mendapatkan pekerja mahir dan bermaklumat serta menyediakan tempat yang mempunyai infrastruktur secukupnya, manakala yang membawa teknologi baru, kemudahan mendapatkan status perintis akan diberikan.

Katanya, ia akan menjadi daya penarik bagi mana-mana syarikat untuk memulakan perusahaan di negara ini.

"Kita mahu menawarkan perkhidmatan pengagihan sumber kita kepada pihak lain dan pada masa yang sama negara lain boleh mengagihkan sumber mereka kepada kita," katanya.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata, permintaan global terhadap pusat perkongsian perkhidmatan dan pengagihan sumber meningkat dengan mendadak sejak beberapa tahun lalu dan dalam bidang proses perniagaan pengagihan sumber saja ia dianggarkan bernilai RM1,900 bilion (AS\$500 bilion).

Katanya, di Malaysia industri berkenaan mewujudkan 49 syarikat dengan pelaburan berjumlah lebih RM1 bilion serta menyediakan kira-kira 8,000 peluang pekerjaan dalam MSC.

Beliau berkata, pengiktirafan antarabangsa mengenai keupayaan Malaysia dalam perkhidmatan perkongsian itu termasuk melalui ka-



ABDULLAH berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) kelapan di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaifar

jian global yang dibuat baru-baru ini oleh A T Kearney meletakkan Malaysia di tangga ketiga selepas India dan China daripada segi daya tarikan sebagai destinasi aktiviti pengagihan sumber.

"Sebenarnya perkongsian perkhidmatan dan pengagihan sumber memainkan peranan penting dalam MSC bagi lonjakan seterusnya dari

2004 hingga 2010. Pada akhir tempoh ini, kita menjangka akan mewujudkan sekurang-kurangnya 100,000 pekerjaan nilai tinggi dalam sektor ini," katanya.

Untuk memastikan sasaran ini dicapai, katanya, Malaysia terus menyediakan infrastruktur, bakat dan membangunkan inovasi teknologi.